



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YANG BERBAHAGIA DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS CABUTAN PEMENANG DAN PENYAMPAIAN HADIAH SEMPENA PROMOSI  
JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN MBSP 2024 (KHAS KEPADA KAKITANGAN MBSP)

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**29 APRIL 2024 (ISNIN)**  
**11.00 PAGI**

**AUDITORIUM MENARA BANDARAYA**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**  
**BANDAR PERDA**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat*

*Ucapan YBhg. Datuk Bandar MBSP 2024*

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Diraikan Pemenang-Pemenang Cabutan Bertuah**

**Warga Kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai yang dikasihi**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam **Majlis Cabutan Pemenang dan Penyampaian Hadiah Sempena Promosi Jom Bayar Cukai Taksiran MBSP 2024 (Khas Kepada Kakitangan MBSP)**.

2. Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang hadir pada hari ini. Tahniah dan Syabas kepada bakal pemenang Cabutan Bertuah Pembayar Cukai Taksiran MBSP 2024 di kalangan Warga Kerja MBSP. Sebagai Datuk Bandar MBSP, saya amat berbangga di atas kesedaran dan keprihatinan warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai menjelaskan bil cukai taksiran demi kelangsungan Seberang Perai yang lebih progresif serta kondusif.

3. Program promosi bayaran cukai taksiran telah diadakan setiap tahun dan ianya mendapat sambutan yang amat memberansangkan daripada pemilik premis seluruh Seberang Perai. Program ini merupakan satu bentuk insentif dan galakan kepada pemilik untuk membayar cukai secara keseluruhan lebih awal dan pada masa yang ditetapkan. Kutipan cukai taksiran ini akan dapat meningkatkan kehidupan rakyat melalui penyediaan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak rakyat Seberang Perai.

4. Dari 1 Disember 2023 hingga 29 Februari 2024, jumlah kutipan cukai taksiran di Seberang Perai, termasuk tunggakan adalah sebanyak RM124.1 juta. Kalau dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun lepas, jumlah kutipan cukai taksiran adalah sebanyak RM117.3 juta. Ini menunjukkan terdapatnya peningkatan sebanyak RM6.8 juta pada tahun ini.
  
5. Kejayaan mengutip hasil cukai taksiran pada tahun ini amat ketara dan menunjukkan bahawa Kempen Jom Bayar Cukai Taksiran MBSP 2024

yang dilaksanakan sejak 1 Disember tahun lepas hingga 29 Februari 2024 telah melepasi sasaran dalam mencapai matlamat penganjuran.

6. Promosi "Jom Bayar Cukai Taksiran MBSP Penggal 2024" bagi bil cukai taksiran tahun 2024 ini diadakan sebagai galakan berterusan kepada warga Seberang Perai supaya membayar cukai taksiran serta menjelaskan tunggakan dalam tempoh yang ditetapkan dengan menggunakan mana-mana platform saluran pembayaran secara dalam talian (*online*) atau melalui kiosk serta agensi kutipan yang telah dilantik oleh MBSP.

7. Penyempurnaan acara cabutan bertuah pemenang serta penyampaian hadiah kepada 40 pemenang yang telah membayar cukai taksiran Seberang Perai, telah diadakan pada 26 Mac 2024. Hadiah paling lumayan bagi tempat pertama cabutan pemenang adalah wang tunai RM8,888.00, diikuti tempat kedua RM5,000.00 dan tempat ketiga RM4,000.00.
  
8. Pemberian hadiah dalam Kempen Jom Bayar Cukai Taksiran MBSP 2024 ini tidak bermakna MBSP berbelanja besar dalam pemberian hadiah



kepada pemenang cabutan bertuah. Sebenarnya kempen ini memberi lonjakan besar pada kutipan cukai taksiran semasa.

9. Mulai 29 April 2024, MBSP akan menjalankan operasi penguatkuasaan cukai taksiran iaitu penyerahan waran tahanan kepada pemilik premis atau rumah kediaman yang gagal membayar cukai taksiran, sebelum kes dirujuk mahkamah untuk tindakan perundangan

10. Untuk tahun 2024 juga, pihak Pro Office Solutions Sdn. Bhd. melalui ASPIRE Seberang Perai telah berbesar hati untuk mengadakan program cabutan bertuah khas kepada kakitangan MBSP buat pertama kalinya bagi yang telah membuat pembayaran cukai taksiran setahun 2024 termasuk tunggakan (jika ada) berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan.
  
11. Program ini dikhususkan kepada kakitangan MBSP yang memiliki kediaman atau premis bercukai di seluruh Seberang Perai termasuk pasangan (isteri

atau suami). Pihak Pro Office Solutions Sdn. Bhd. telah menaja sebanyak 30 hadiah berupa barangan elektrik bernilai RM4,000.00.

12. Sejumlah 155 akaun layak untuk program promosi ini dan pada hari ini, kita akan menyampaikan hadiah kepada pemenang yang bertuah. Pada tahun ini juga MBSP telah menghantar bil cukai taksiran dan Notis E kepada kakitangan yang masih belum menjelaskan cukai taksiran.

13. Bagi kakitangan yang mempunyai harta di Seberang Perai, bil fizikal tidak akan dihantar dan akan dihantar secara SMS atau emel. Bagi membantu MBSP untuk mengutip cukai taksiran, diharapkan kakitangan yang masih belum menjelaskan bayaran cukai taksiran untuk membuat bayaran dengan segera atau boleh menghubungi Jabatan Perbendaharaan MBSP untuk membuat bayaran secara ansuran atau potongan gaji.
  
14. Akhir kata, terima kasih kepada warga kerja MBSP yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MBSP dan menyeru penglibatan

seluruh warga kerja MBSP untuk terus dan sentiasa menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan ke arah Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh teknologi.

15. Dengan ucapan ***Bismillah******rahmanirrahim***, saya merasmikan **Majlis Cabutan Pemenang dan Penyampaian Hadiah Sempena Promosi Jom Bayar Cukai Taksiran MBSP 2024 (Khas Kepada Kakitangan MBSP)**.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***